

# Panduan Kepada Bakal Graduan

## Semua Graduan Diwajibkan Menjawab Kajian Pengesanan Graduan

### KATEGORI 1: BEKERJA (sama ada telah Bekerja, Lanjut Pengajian, Tingkat Kemahiran, Tunggu Penempatan Kerja):

Graduan perlu mengisi maklumat di **SEMUA BAHAGIAN secara ONLINE** dan **cetak SLIP** Kajian Pengesanan Graduan (KPG). Sila serahkan slip KPG ketika mendaftar mengambil jubah pada hari raptai konvokesyen. Sekiranya anda tidak dapat hadir konvokesyen sila kemukakan Slip KPG semasa mengambil transkrip/sijil di Unit Peperiksaan.

### KATEGORI 2 : BELUM BEKERJA

Graduan hendaklah mengisi kajian **pada BAHAGIAN A SAHAJA** dan berikan butiran anda di bahagian Kajian Pengesanan Graduan semasa hari raptai Konvokesyen.

### DEFINISI BEKERJA

Berikut adalah definisi kebolehdapatan kerja yang digunakan oleh Unit Tracer, Sektor Pengajian Tinggi (SPT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

BEKERJA	i) Bekerja	Graduan yang bekerja dan mempunyai maklumat pekerjaan. e.g. ( contoh tempat kerja di sektor kerajaan / swasta / atau bekerja dengan ibu bapa atau ahli keluarga – dengan syarat pekerjaan tersebut diberi upah )
	ii) Melanjutkan Pengajian	Graduan yang memaklumkan mereka tidak bekerja kerana melanjutkan pengajian.
	iii) Meningkatkan Kemahiran	Graduan yang sedang menjalani kursus jangka pendek, graduan Undang-undang yang sedang menjalani Chumbering, graduan yang mengikuti SL1M/SLSM/SLG/ INSEP dan sebagainya.
	iv) Menunggu Penempatan Pekerjaan	Graduan yang memaklumkan mereka menunggu penempatan pekerjaan sama ada graduan bidang pendidikan, perubatan, farmasi dan pergigian serta graduan yang telah mendapat tawaran tetapi belum mempunyai penempatan pekerjaan.
	v) Belum Bekerja	Graduan yang memaklumkan belum bekerja, tidak mempunyai maklumat pekerjaan seperti majikan, pendapatan dan sebagainya.

**Tatacara penyertaan Sistem Kajian Pengesanan Graduan I (SKPG I)**  
**bagi graduan dalam kategori bekerja dan tidak bekerja.**

